

MAHATHIR-PERUTUSAN

1984

MELAKA, 14:: MEI (BERNAMA) - - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM BERUSAHA MENGEMBALIKAN SEMULA ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM SUPAYA MEREKA DIHORMATI DAN DISEGANI OLEH BANGSA-BANGSA LAIN.

PERDANA MENTERI, SAMBIL MENGINGATKAN UMAT ISLAM BAHAWA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA BERBANGGA DENGAN KEGEMILANGAN TAMADUN ISLAM YANG TELAH BERLAKU, MENEGASKAN BAHAWA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU MEREKA PERLU MEMPUNYAI PERSEDIAAN YANG CUKUP DARL SEGI ROHANI DAN JASMANI SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN ZAMAN.

+OLEH ITU UMAT ISLAM MESTI BEKERJA KUAT DAN MEMPERSIAPKAN DIRI D E N G A N ILMU PENGETAHUAN SECUKUPNYA KERANA JATUH-BANGUNNYA SESUATU KAUM ITU A K A N DITENTUKAN OLEH KAUM ITU SENDIRI.

+ALLAH TIDAK AKAN M E N G U B A H NASIB SESUATU KAUM ITU MELAINKAN KAUM ITU SENDIRI YANG MENGUBAHNYA+, TEGASNYA DALAM KATA-KATA ALAUNNYA DALAM BUKU CENDERAMATA MUSABAUAH MEMBACA QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN YANG AKAN BERMULADI STADIUM KUBYUDISINIMAL MESOK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK BEBERAPA DEKAD YANG LALU, - UMAT ISLAM DI MERATA TEMPAT BEGITU GHAIRAH UNTUK MENGEMBALIKAN ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM.

--LAGI 1253/AN

MAHATHIR-PERUTUSAN 2 MELAKA

TUGAS YANG MURNI INI, KATANYA MEMANGLAH MENJADI TANGGUNGJAWAB W H A T ISLAM SENDIRI DAN MEREKA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN BANTUAN ATAU PERTOLONGAN ORANG LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISLAM TELAH MEMBERIKAN FORMULA SERTA PANDUAN YANG LENGKAP SEBAGAIMANA TERMUKUT DALAM QURAN DAN AL-SUNNAH UNTUK MEMBOLEHKAN UMATNYA MENCAPAI MATLAMAT ITU.

MENYENTUH T E M A MUSABAQAH +BERILMU BERUSAHA TUNTUTAN AL-QURAN+ PERDANA MENTERI BERKATA IA SEBENARNYA SATU USAHA UNTUK MENGAJAK UMAT ISLAM MENILAI SEMULA SEJAUHMANA PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN YANG TELAH DILAKUKAN UNTUK MENGEMBALIKAN SEMULA ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM.

BELIAU MENEGASKAN TANPA ILMU DAN USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH NASIB SESUATU BANGSA TIDAK A K A N DAPAT DIPERJUANGKAN. +TEMA INI SANGAT BERKAIT RAPAT DENGAN SUASANA DAN KEDUDUKAN UMAT ISLAM DEWASA INI YANG SEDANG MENGHADAPI BERBAGAI-BAGI CABARAN DAN UJIAN SAMA ADA YANG BERBENTUK FIZIKAL MAHUPUN MENTAL.

--BERNAMA 1258/AN